

SOALAN NO: 83

mampu mencapai kelajuan sehingga 8Mbps bagi teknologi berasaskan tembaga (ADSL) dan 100Mbps bagi gentian optik.

Pihak Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia kesepuluh (RMKe-10) telah melaksanakan projek rangkaian teras berasaskan gentian optik di Sabah dan Sarawak bagi memperluaskan capaian jalur lebar di kawasan luar bandar. Sebanyak 53 sambungan teras dilaksanakan di Sabah pada tahun 2013 dengan kapasiti 1Gbps bagi setiap sambungan dan 13 daripadanya di daerah Tawau.

Pihak penyedia perkhidmatan turut melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan kelajuan perkhidmatan Internet di negara ini. Antara usaha yang sedang dilaksanakan ialah menaik taraf sambungan teras tapak-tapak pemancar menggunakan rangkaian gentian optik, membangunkan lebih banyak rangkaian LTE dan meningkatkan kelajuan sambungan jalur lebar talian tetap sehingga 8Mbps.